

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**: LISAN**

**DARIPADA**

**: NURUL IZZAH BINTI ANWAR**

**KAWASAN**

**: LEMBAH PANTAI**

**TARIKH BAHAS**

**: 9 MAC 2017**

**NO. SOALAN**

**: 26**

**NURUL IZZAH BINTI ANWAR** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:

- a) senarai SME dari Negara China yang telah menjalankan perniagaan di Malaysia; dan
- b) jumlah keuntungan yang diperoleh oleh Malaysia daripada perdagangan dua hala melibatkan SME dari Negara China dari tahun 2015 hingga Februari 2017.

**Jawapan:**

Tuan Yang di-Pertua,

China merupakan antara sumber pelaburan langsung asing utama negara. Syarikat-syarikat seperti Ye Chiu Non-Ferrous Metal (M) Sdn Bhd (logam asas), Comtec Solar International (M) Sdn Bhd (industri solar), Jinko Solar Technology Sdn Bhd (industri solar), Ji Kang Dimensi (M) Sdn Bhd (logam asas), Xiamen University (perkhidmatan pendidikan), Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd. (ICT) dan CSR Rolling Stock (M) Sdn Bhd. adalah di antara syarikat China yang telah melabur di Malaysia.

Prestasi pelaburan dari China adalah memberangsangkan. Pada tahun 2016 pula, pelaburan dalam sektor pembuatan yang diluluskan dari China berjumlah RM4.8 bilion berbanding RM1.9 bilion pada tahun 2015. Pelaburan ini melibatkan 33 projek dan dijangka akan menyumbang 10,147 peluang pekerjaan. Industri E&E juga masih merupakan industri penyumbang terbesar dari Negara China dengan 8 projek yang diluluskan yang mempunyai jumlah pelaburan sebanyak RM1.8 bilion (37.0 peratus). Lanya diikuti oleh industri produk mineral bukan logam dengan 4 projek yang diluluskan bernilai RM1.4 bilion (30.0 peratus), satu projek industri produk logam asas bernilai RM1.3 bilion (27.0 peratus), industri kayu & produk kayu dengan 4 projek yang diluluskan bernilai RM40.2 juta (1.0 peratus), industri Kertas, percetakan & penerbitan dengan 3 projek yang diluluskan bernilai RM24.2 juta (0.5 peratus) dan sebagainya.

Pelaburan sejumlah RM1.9 bilion pada tahun 2015 yang diluluskan dari

China melibatkan 17 projek dan dijangka akan menyumbang kepada 5,127 peluang pekerjaan.

Dari segi perdagangan dua hala, China kekal sebagai rakan dagang utama Malaysia bagi lapan tahun berturut-turut sejak 2009. Malaysia juga merupakan rakan dagang kedua terbesar China di kalangan negara-negara ASEAN pada 2016. Jumlah perdagangan Malaysia dengan China pada tahun 2016 adalah bernilai RM240.91 bilion iaitu peningkatan sebanyak 4.4% berbanding tahun 2015. Dari jumlah ini, eksport bernilai RM98.56 bilion dan import berjumlah RM142.35 bilion.

Komposisi utama barang eksport ke China adalah terdiri daripada elektrikal & elektronik (43.5%), produk kimia (12.1%), produk petroleum (7.5%), produk berasaskan minyak sawit (6.0%) dan produk keluli (4.9%). Sebagai sebuah kuasa ekonomi terbesar dunia yang mempunyai saiz pasaran yang sangat besar dengan jumlah penduduk seramai 1.3 bilion orang, China kekal menjadi fokus bagi pasaran eksport Malaysia.